

16) PEMBANGUNAN SEMULA PERUMAHAN KOS RENDAH DI SELANGOR

Adun : Y.B. Dato' Dr Ahmad Yunus Bin Hairi (Sijangkang)

Kategori : Lisan

Sesi : 2 (2025)

Sub soalan :

- a) Apakah perancangan Kerajaan Negeri di dalam membangunkan semula projek perumahan kos rendah di Negeri Selangor?**

Untuk makluman Yang Berhormat, Pihak Berkuasa Negeri melalui Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Perumahan dan Kehidupan Bandar Negeri Selangor pada Disember 2018 telah memutuskan PLANMalaysia@ Selangor bersama-sama Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) untuk menyediakan Garis Panduan Pembaharuan Semula Bandar untuk pemakaian di negeri Selangor.

Garis Panduan Pembaharuan Semula Penempatan Bandar Negeri Selangor telah diluluskan pemakaiannya di Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) Selangor Ke 29/2021 bertarikh 8 September 2021. Garis panduan ini adalah sebagai panduan untuk memastikan bandar atau sesuatu penempatan usang kekal kompetatif dan sebagai alternatif meningkatkan kualiti hidup serta memberdayakan masyarakat bandar sesuai dengan keperluan dari semasa ke semasa.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, pembangunan semula perumahan kos rendah melibatkan dua (2) kategori iaitu pembangunan secara 'in-situ' dan pembayaran pampasan untuk pemilik berpindah keluar dari kawasan asal.

Bagi pembangunan 'in-situ', sekiranya tapak cadangan mempunyai kawasan yang luas / besar, sebahagian kawasan dibangunkan dengan pembangunan baharu manakala sebahagian lagi untuk penduduk kekal tinggal disitu sehingga pembangunan yang baharu siap dan mereka akan pindah di dalam pembangunan baharu. Bagi pembayaran pampasan pula penduduk dikehendaki keluar dari kediaman mereka dengan diberikan sejumlah pampasan dan turut ditawarkan kediaman di pembangunan baharu sekiranya mereka berminat.

Sebagai langkah permulaan, Kerajaan Negeri akan menjalankan proses pengumpulan inventori data- data bagi mewujudkan 'bank data' kawasan-kawasan bandar/ penempatan usang termasuklah perumahan kos rendah dari setiap kawasan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Selain itu, pengumpulan data perumahan ini juga dibuat terhadap anak-anak syarikat Kerajaan Negeri seperti PKNS dan anak syarikat di bawah Perbadanan Menteri Besar (MBI) yang mana sebahagian besar pembangunan projek terdiri daripada perumahan kos rendah sebelum langkah- langkah selanjutnya di ambil.

Kesemua program pembangunan semula bandar termasuklah perumahan kos rendah akan di bawa dan dibincangkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Induk Pembangunan Pembaharuan Semula Bandar bagi memastikan program ini dilaksanakan dengan mengambilkira kepentingan penduduk/ pembeli asal.